

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30

KDNK penuh 2023 diunjur lebih rendah-Firma Penyelidikan

KDNK PENUH 2023 DIUNJUR LEBIH RENDAH - FIRMA PENYELIDIKAN

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomiutusan@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: AmBank Economic Research menyemak turun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari 4.5 peratus kepada 4.0 peratus bagi keseluruhan tahun ini berikutan pertumbuhan swasta yang lebih perlahan dan langkap global yang lemah.

Menurut nota penyelidikan, walaupun permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan tahun ini, pertumbuhan penggunaan swasta adalah lebih perlahan daripada jangkaan pada sepehar pertama tahun ini.

Katanya, landskap perdagangan global yang lemah juga secara berterusan membawa kepada semakin pertumbuhan yang lebih rendah ini.


"Kami menjangkakan aktiviti dagangan yang lebih perlahan untuk baki tahun ini, memandangkan prospek ekonomi global yang pesimis terhadap kesan kadar faedah yang lebih tinggi," katanya di sini baru-baru ini.

Firma penyelidikan itu berkata, pihaknya menjangkakan permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan tahun ini, berikutan prestasi berterusan lebih baik dalam kadar pengangguran.

Tambahnya, subsidi, ditambah dengan harga komoditi yang agak stabil, membantu mengekalkan inflasi dalam negeri, iaitu kekal di bawah kadar tunai.


"Namun begitu, pertumbuhan gaji dalam sektor perkhidmatan, yang menggaji sekitar 62 peratus daripada keseluruhan pasaran buruh mungkin telah

PERTUMBUHAN KDNK NEGARA



Sumber: CEIC, AmBank Economic Research

PERTUMBUHAN KDNK (BERBANDING NEGARA ASEAN)



Sumber: CEIC, AmBank Economic Research

"KAMI MENJANGKAKAN AKTIVITI DAGANGAN YANG LEBIH PERLAHAN UNTUK BAKI TAHUN INI MEMANDANGKAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL YANG PESIMIS TERHADAP KESAN KADAR FAEDAH YANG LEBIH TINGGI."

memuncak.

"Trend yang sama boleh diperhatikan dalam sektor perkilangan iaitu pertumbuhan upah telah menjadi sederhana sepanjang tahun apabila pasaran pekerjaan menjadi normal. Aktiviti pengambilan pekerja juga semakin perlahan dengan pertumbuhan guna tenaga terkini pada Julai pada 2.3 peratus," ujarnya.

Namun begitu, firma itu berkata, nisbah kekosongan kepada pengangguran berada pada sekitar 0.37, lebih tinggi daripada purata sebelum pandemik sekitar 0.18.

"Ini menunjukkan bahawa walaupun perbelanjaan swasta mungkin memuncak, mungkin masih ada ruang untuk penambahbaikan," jelasnya.

Mengulas mengenai prospek

separuh kedua 2023, AmBank Economic Research berkata, pelancongan dan sektor berkaitannya masih bertambah baik.

"Tourism Malaysia menjangkakan kedatangan pelancong sebanyak 16.1 juta dan resit pelancong sebanyak RM49.2 bilion menjelang akhir tahun, yang kami fikir boleh dicapai.

"Tambah pula, mata wang Singapura, Indonesia dan Thailand lebih kukuh berbanding ringgit dan ini boleh menjadi pemangkin kepada selera mereka untuk melancong ke Malaysia," tambahnya.

Dalam pada itu, firma penyelidikan itu berpendapat Kadar Dasar Semalam (OPR) berkemungkinan kekal pada 3.00 peratus tahun ini.

"Ini memandangkan pe-

nurunan inflasi yang berterusan dan keperluan untuk menyokong permintaan dalam negeri berikutan ketidakpastian luaran," katanya.

Terdahulu, media melaporkan negara mencatatkan KDNK sebanyak 2.9 peratus pada suku kedua 2023, selepas merekodkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.6 peratus suku sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin, pertumbuhan pada suku kedua didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembinaan.

Beliau berkata, perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan pembentukan modal tetap kasar terus memacu pertumbuhan ekonomi pada suku berkenaan.